



Ruj.Kami : KPMSP.500-5/5/1(39)
Tarikh : 20 Jun 2016

Semua Ketua Bahagian, Kementerian Pendidikan Malaysia
Semua Pengarah Pendidikan Negeri
Semua Pegawai Pendidikan Daerah
Semua Pengetua dan Guru Besar

YBhg. Datuk /Dato'/Tuan/Puan,

PENGGUNAAN FAIL INDIVIDU DALAM PENILAIAN BERSEPADU PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN (PBPPP) KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Dengan segala hormatnya dimaklumkan bahawa saya telah diarah menarik perhatian tuan berkaitan perkara di atas.

2. Penilaian Bersepadu Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PBPPP) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) merupakan satu daripada Inisiatif Piagam Guru bawah tanggungjawab Bahagian Pembangunan dan Penilaian Kompetensi (BPPK) telah diluluskan oleh YBhg. Tan Sri KPPA melalui surat Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bertarikh 5 November 2015. Surat arahan pelaksanaan peringkat KPM telah dikeluarkan oleh YBhg. Tan Sri KSU KPM bertarikh 20 November 2015. Pelaksanaan PBPPP bagi kumpulan guru dan pemimpin sekolah bermula pada tahun 2015 dan pelaksanaan menyeluruh kepada semua Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) bermula pada tahun 2016.

3. Bagi memastikan PBPPP dilaksanakan mengikut garis panduan yang ditetapkan, BPPK memandang serius berkaitan isu penggunaan fail individu dalam pelaksanaan PBPPP. Untuk makluman, BPPK tidak pernah mengeluarkan arahan berkaitan perkara ini dan sekiranya mana-mana pihak yang membangunkan fail individu PBPPP, maka perkara ini bersifat individu dan atas inisiatif sendiri. Dokumen rujukan utama PBPPP bagi guru di sekolah ialah Rekod Pengajaran dan Pembelajaran dengan mengoptimumkan penggunaannya manakala bagi kumpulan PPP yang lain perlulah menggunakan dokumen rujukan yang telah sedia ada. BPPK hanya mengeluarkan arahan pembangunan satu fail pengurusan PBPPP organisasi sahaja seperti yang terkandung dalam senarai semak pelaksanaan.

4. Segala aduan berkaitan PBPPP boleh dikemukakan melalui email kepada aduan.eprestasi@moe.gov.my.

5. Kerjasama dan perhatian yang YBhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan berikan amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"SEHATI SEJIWA"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(MD SANI BIN LATIP)

Setiasusaha Bahagian

Bahagian Pembangunan dan Penilaian Kompetensi

Kementerian Pendidikan Malaysia

s.k.

1. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
2. Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
3. Pejabat Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)
Kementerian Pendidikan Malaysia
4. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia - Sektor Operasi Pendidikan
(SOP)
Kementerian Pendidikan Malaysia
5. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia - Sektor Dasar Dan Pembangunan
Pendidikan (Dasar)
Kementerian Pendidikan Malaysia
6. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia - Sektor Pembangunan
Profesionalisme Keguruan (SPPK)